



PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK,
TINGKAT 16, BANGUNAN SULTAN ISKANDAR,
JALAN SIMPANG TIGA,
93592 KUCHING.

Telefon : 082-421333 (Pejabat Am)
Fax : 082-424489
E-mail : pms@pmswk.gov.my

Rujukan : PKP(S)124-1/11 Jld.9 (59)

Tarikh : 29 Mei 2009

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan
SARAWAK

Ketua-ketua Badan Berkanun Persekutuan
SARAWAK

Tuan/Puan,

PINDAAN PERTAMA
SURAT PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK
BILANGAN 2 TAHUN 2008

TUJUAN

Surat Pekeliling Kontrak PMS ini bertujuan untuk memaklumkan kepada jabatan/agensi berkenaan penetapan baru kaedah perolehan bagi perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan.

LATAR BELAKANG

2. Surat Pekeliling Kontrak PMS bil. 2/2008 telah menetapkan syarat bagi perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan seperti berikut:

- (i) bagi Bahagian/Daerah yang ada **syarikat bertaraf Bumiputera dan berdaftar dengan PMS**, Jabatan/agensi mestilah mendapatkan perkhidmatan daripada syarikat-syarikat tersebut;
- (ii) bagi Bahagian/Daerah yang tiada syarikat yang bertaraf Bumiputera, Jabatan/agensi hendaklah mendapatkan perkhidmatan daripada **syarikat bukan bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan PMS** ; dan

- (iii) bagi Bahagian/Daerah yang **tiada** syarikat bertaraf Bumiputera dan syarikat bukan Bumiputera yang berdaftar dengan PMS, penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan boleh dibuat di mana-mana bengkel mengikut tatacara perolehan biasa. Pengecualian ini adalah sah sehingga adanya syarikat berdaftar dan bertaraf Bumiputera atau syarikat bukan Bumiputera tetapi berdaftar dengan PMS di Bahagian/daerah berkenaan.

PENETAPAN KAEDAH PEROLEHAN

3. Sebagai satu langkah membolehkan jabatan/agensi mendapat perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan yang memuaskan dan berkualiti, PMS telah bersetuju untuk meminda peraturan tersebut seperti berikut:

- (i) jabatan/agensi di Bahagian Kuching wajib mendapatkan perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan dengan syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dibawah kod bidang yang berkaitan dan bertaraf Bumiputera; dan
- (ii) bagi jabatan/agensi di bahagian-bahagian lain, boleh membuat penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan mengikut tatacara perolehan biasa yang berkuatkuasa.

4. Jabatan/agensi di Bahagian Kuching boleh membuat penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan dengan mana-mana syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan bertaraf Bumiputera. PMS tidak akan mengeluarkan Surat Tambahan kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Sarawak Bil.2 Tahun 2008 untuk memaklumkan senarai baru syarikat yang berdaftar dalam bidang tersebut seperti yang diamalkan sebelum ini.

HAL-HAL LAIN

5. Perkara-perkara lain adalah sama seperti yang terkandung di dalam Surat Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Malaysia Sarawak Bilangan 2 Tahun 2008 bertarikh 4 Januari 2008.

6. Jika terdapat sebarang kemusykilan mengenai peraturan ini, pihak Jabatan Pengguna dinasihatkan menghubungi Perbendaharaan Malaysia Sarawak seperti di alamat di atas atau email kepada pms@pmswk.gov.my atau melalui nombor telefon 082-421333 :-

- (i) Cik Mimi Mazrah Binti Majidi
Sambungan – 243; atau
- (ii) Puan Bayah Anak Chua
Sambungan – 260

Sekian, terima kasih.

“SENTIASA MESRA TELITI DAN CEPAT”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(MAT OMAR BIN JOHARI)

Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak
Perbendaharaan Malaysia Sarawak

s.k. ;

Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Kuching
Jabatan Akauntan Negara, Sri Aman
Jabatan Akauntan Negara, Sarikei
Jabatan Akauntan Negara, Kapit
Jabatan Akauntan Negara, Limbang
Jabatan Akauntan Negara, Bintulu
Jabatan Akauntan Negara, Miri
Jabatan Akauntan Negara, Sibu

Jabatan Audit Negara, Kuching